



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**PROGRAM KOMUNITI RAHMAH BERSAMA  
JENTERA PERPADUAN NEGERI KELANTAN**

**4 FEBRUARI 2024 (AHAD)**

**1.00 TENGAH HARI**

**KRT LUBOK SETOL, RANTAU PANJANG  
DAERAH PASIR MAS**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini, kita berkumpul bersama-sama di **KRT Lubok Setol, Pasir Mas** bagi menjayakan Program Komuniti Rahmah anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
2. KRT Lubok Setol merupakan KRT pertama yang saya lawati dalam lawatan kerja saya yang julung-julung kalinya ke negeri Kelantan, negeri yang dikenali sebagai “**Cik Siti Wan Kembang, Tanah Serendah Sekebun Bunga**”.
3. Tahniah dan terima kasih juga kepada **KRT Lubok Setol** kerana menjadi tuan rumah bagi program ini. Saya juga difahamkan, KRT ini merupakan antara KRT yang paling aktif dan melaksanakan pelbagai aktiviti untuk komuniti setempat. Syabas diucapkan.

4. Sebentar tadi, saya telah berkesempatan mengadakan **kunjungan hormat kepada YAB Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuriddin Haji Daud**. Dalam pertemuan tersebut kami telah bertukar pandangan serta membincangkan kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kerajaan Negeri Kelantan.
5. Tidak kira pihak kerajaan mahupun pembangkang, kita harus bersama dan komited dalam menjayakan agenda perpaduan negara dalam **melahirkan rakyat Malaysia yang bersopan-santun, bertoleransi, hormat-menghormati, bersatu padu dan progresif**.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

### **GERAK KERJA BANTUAN BANJIR**

6. **Negeri Kelantan khususnya Rantau Panjang adalah merupakan antara lokasi yang telah terjejas dengan kejadian banjir pada bulan Disember 2023** yang lalu. Saya sentiasa memantau dan mengikuti situasi banjir yang berlaku di sini melalui Pejabat Perpaduan Negeri Kelantan yang telah mengemukakan laporan dari semasa ke semasa.

7. Justeru, pada hari ini, Kementerian berkesempatan melaksanakan **Program Komuniti Rahmah** di mana antara pengisian utama program ini ialah **Gerak Kerja Pasca Banjir**. Program ini bertujuan untuk **menyantuni komuniti KRT yang telah terjejas dengan kejadian tersebut**.
8. Gerak kerja ini juga merupakan sebahagian daripada **tanggungjawab sosial** Kementerian kepada KRT yang selama ini banyak menyumbang kepada komuniti dan negara melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
9. Walaupun sumbangan ini tidaklah sebesar mana, tetapi kami berharap ianya sedikit sebanyak dapat membantu keluarga-keluarga yang terlibat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Pada hari kita akan menyampaikan **sumbangan Kotak Rahmah kepada 100 orang penerima**.
10. Untuk makluman semua, sehingga kini, **KPN** telah memperuntukkan sebanyak **RM135,000** bagi program **Gerak Banjir di seluruh negara**. Peruntukan ini telah digunakan bagi program seperti **Rukun Tetangga (RT) Cares, Dapur Komuniti, aktiviti pembersihan lokasi terjejas banjir, ziarah perpaduan dan gerak kerja lain** yang bersesuaian dengan keperluan semasa komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **SKUAD UNITI**

**11. Gerak Kerja Bantuan Banjir ini digerakkan melalui jentera perpaduan iaitu Skuad Uniti.** Antara gerak kerja yang dilaksanakan oleh Skuad Uniti ialah:

- I. Membantu pihak keselamatan dalam proses **pemindahan mangsa-mangsa banjir** ke tempat yang selamat;
- II. Melaksanakan **aktiviti pembersihan** di lokasi terjejas banjir;
- III. **Menyediakan makanan** kepada mangsa dan petugas;
- IV. **Menyampaikan sumbangan;**
- V. **membantu operasi di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).**

**12. Sehingga kini, terdapat sebanyak 128 Skuad Uniti** di seluruh negara yang telah diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan bantuan sekiranya berlakunya bencana. Kini di **Kelantan terdapat sebanyak 10 Skuad Uniti.** Justeru, bilangan ini akan ditingkatkan supaya sekurang-

**kurangnya terdapat 1 Skuad Uniti di setiap kawasan Parlimen di Negeri Kelantan.**

13. Kementerian turut telah mengambil inisiatif dengan kerjasama KRT-KRT membuka sebanyak **15 RT Cares Center di seluruh negara**. Di negeri Kelantan sahaja kini terdapat **tiga (3) RT Cares Center** iaitu:

- a) **KRT Lubok Setol, Pasir Mas**
- b) **KRT Bukit Kecik, Tanah Merah**
- c) **KRT Pahi, Kuala Krai**

14. Bagi pengoperasian RT Cares Center ini, Kementerian telah menyediakan **peralatan untuk Dapur Komuniti, peralatan pembersihan dan bahan-bahan memasak**. Kementerian berharap agar segala bantuan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan secara optimum oleh KRT dan Skuad Uniti untuk membantu komuniti yang memerlukan bantuan serta mempercepatkan proses pemulihan daripada bencana.

15. Saya menyeru agar golongan belia dapat melibatkan diri dan menyertai Skuad Uniti ini bagi berbakti semula kepada komuniti setempat. Saya juga akan memohon agar **Yayasan Sukarelawan Siswa yang juga merupakan salah satu**

**agensi di bawah Kementerian untuk turut bersama dalam menjayakan misi Skuad Uniti.**

## **PENUTUP**

16. Melalui usaha-usaha sebegini, kita dapat merancakkan pembinaan **Komuniti Rahmah dengan menyuburkan sifat ihsan, jati diri, peduli, kasih sayang, hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, dan penerimaan dalam setiap rakyat Malaysia.**
17. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua **anggota Skuad Uniti yang telah menjalankan tugas masing-masing dengan cemerlang.**
18. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini.
19. Maka dengan ini, saya merasmikan **PROGRAM KOMUNITI RAHMAH BERSAMA JENTERA PERPADUAN DI KRT LUBOK SETOL, RANTAU PANJANG.**

Sekian, terima kasih.